

25 MAR 1996

Kedah - MB

ISU MB KEDAH: PEMIMPIN UMNO PERTIKAI TINDAKAN ADUN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Beberapa pemimpin UMNO hari ini menyifatkan tindakan 22 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Tan Sri Osman Aroff dikekalkan sebagai Menteri Besar Kedah sebagai luar biasa dan tidak wajar.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata tindakan mereka tidak wajar berlaku kerana sebarang masalah berhubung parti sepatutnya dibincangkan dalam parti.

"Kita ada saluran parti ... tak payahlah gembar gembur di luar parti," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas tindakan anggota-anggota Dewan Undangan Negeri itu, selepas menghadiri istiadat pembukaan penggal kedua, Parlimen ke-9, di bangunan Parlimen hari ini.

Dalam satu memorandum yang dihantar kepada Dr Mahathir Jumaat lepas, kumpulan Anggota Dewan Undangan Negeri itu turut menolak sebarang usaha melantik bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah yang baru. Sanusi ialah anggota Dewan Undangan Negeri Kuah di Langkawi.

Ketika ditanya sama ada tindakan mereka menyalahi disiplin parti, beliau berkata: "Kita akan meneliti (kenyataan mereka) ... ia boleh ditafsirkan sebagai melanggar disiplin parti."

Mohamed berkata parti mempunyai disiplin dan kod etika dan keputusan parti dibuat oleh Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau majlis disiplin.

Sambil menarik perhatian yang beliau belum melihat memorandum itu, Mohamed berkata beliau akan menunggu arahan Perdana Menteri.

Naib Presiden Umno Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin pula berkata kepercayaan harus diberi kepada Perdana Menteri bagi melihat kedudukan masalah itu.

"Saya tidak fikir Perdana Menteri akan berfikiran sempit mengenai perkara ini dan saya percaya PM tentu akan menimbang apa juga masalah yang mungkin timbul," katanya.

Menurut beliau sepatutnya anggota-anggota dewan menemui Perdana Menteri dan jika ia melibatkan pemimpin negeri, perbincangan harus dibuat dengan hati terbuka dan secara tertutup.

Ketika ditanya mungkinkah tindakan yang dibuat itu atas desakan mana-mana pihak, beliau berkata beliau tidak fikir begitu dan berpendapat tindakan itu hanya bagi meluahkan perasaan.

"Tidak semestinya pandangan mereka itu dipersetujui ... PM dan TPM mempunyai kebijaksanaan untuk menimbang apa-apa masalah berbangkit," katanya.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Nazri Abdul Aziz pula menganggap tindakan anggota Dewan Undangan Negeri itu sebagai tidak betul kerana hak melantik seseorang Menteri Besar atau Ketua Menteri adalah hak presiden parti.

Sambil menyifatkan perkara itu seharusnya melalui saluran tertentu, Nazri berkata jika tindakan mereka dibiarkan, ia boleh dilihat sebagai satu ikutan yang berbahaya pada masa depan.

"Mereka tidak ada hak untuk membuat sebarang bantahan mengenai perlantikan Menteri Besar," katanya dan menganggap tindakan mereka itu bertentangan dengan keputusan yang dibuat oleh Badan Perhubungan UMNO Kedah dan wakil-wakil rakyat UMNO Kedah yang bersetuju menyerahkan soal kedudukan Osman kepada Dr Mahathir.

Badan Perhubungan UMNO Kedah dan wakil-wakil rakyat itu pernah mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir tahun lepas mengenai perkara itu semasa isu kedudukan Osman memuncak.

"Saya difahamkan UMNO Kedah pernah membangkitkan perkara itu dan mereka akan menyokong sebarang keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir berhubung isu itu. Tetapi kenapa sekarang perkara itu dibangkitkan semula," katanya.

Nazri berkata tindakan mereka juga dianggap tidak betul kerana perkara itu belum diumumkan dan ia seharusnya dirundingkan terlebih dahulu dengan Dr Mahathir dan bukan diheboh-hebohkan melalui media.

Beliau berkata perkara ini bersangkutan paut dengan politik dan kalau wujud memorandum itu ia harus dibuat oleh ketua-ketua bahagian yang mempunyai kuasa di peringkat akar umbi.

"Ahli dewan undangan negeri adalah mereka yang dicalonkan untuk mewakili sesuatu kawasan dan mereka tidak mewakili ahli di peringkat akar umbi, " katanya.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berharap isu itu selesai secepat mungkin dan tidak berpanjangan hingga boleh menjejaskan pentadbiran serta menimbulkan satu keadaan di mana pelabur dan golongan yang ingin datang ke Kedah terjejas.

Apabila ditanya mengenai tindakan 22 Anggota Dewan Undangan Negeri itu, beliau berkata: " Mereka membuat satu kenyataan dan itu adalah hak mereka."

Muhammad, yang juga Menteri Besar Selangor, yakin isu ini boleh diselesaikan oleh pucuk pimpinan dan berharap pihak terbabit sebaik-baiknya berunding dan menyelesaikannya sehingga satu keputusan baik tercapai. -- Bernama.

ARA AHH